

**UCAPAN MENTERI SEKITARAN DAN SUMBER AIR MERANGKAP  
MENTERI BERTANGGUNGJAWAB BAGI EHWAL MASYARAKAT  
ISLAM ENCIK MASAGOS ZULKIFLI, DI MAJLIS PENYAMPAIAN  
HADIAH TERJEMAHAN MASTERA 2019 DAN SEMINAR  
ANTARABANGSA KESUSASTERAN ASIA TENGGARA PADA 28  
SEPTEMBER 2019, 9.30 PAGI DI THE POD, NLB**

Pengerusi MASTERA Singapura  
dan Timbalan Pengerusi Majlis Bahasa Melayu Singapura (MBMS)  
Prof Madya Dr. Hadijah Rahmat

Pemangku Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei  
Awang Suip bin Haji Abdul Wahab

Kepala Badan Pengembangan dan Pembinaan Bahasa Indonesia  
Prof. Dr. Dadang Sunendar

Wakil Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia  
Dr Hanafi Ibrahim

Timbalan Pengarah Eksekutif, Majlis Seni Kebangsaan (NAC) Singapura  
Encik Paul Tan

Delegasi dari negara-negara MASTERA  
Tuan-tuan dan puan-puan sekalian

Salam sejahtera, dan assalamuaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Saya mulakan ucapan saya dengan serangkap pantun:

*Buah kabung buah bidara  
Mari letak di bangku kayu  
Kita gabung dalam Mastera  
Demi lestari sastera Melayu*

## **PENGENALAN**

1. Saya amat berbesar hati dapat bersama hadirin sekalian di Seminar Antarabangsa Kesusasteraan Asia Tenggara (SAKAT) yang ke-25. Kami juga sangat teruja kerana sebentar lagi, empat orang wakil dari setiap negara Mastera akan menerima Hadiah Terjemahan Mastera, yang diadakan buat julung-julung kalinya sejak penubuhan Mastera.

## **PENTERJEMAHAN DALAM DUNIA HARI INI**

2. Penterjemahan ialah satu wadah yang penting untuk menggalakkan pertukaran silang budaya dan pengukuhan ilmu dalam pelbagai aspek termasuk bidang sastera. Teks-teks terjemahan sastera membuka pintu dunia dan budaya asing yang tidak dapat kita terokai tanpa terjemahan. Penterjemahan karya sastera, baik dalam bentuk puisi atau prosa, membolehkan kita menikmati karya kreatif peringkat rantau dan antarabangsa.
3. Tujuan Mastera Singapura menganjurkan hadiah ini adalah untuk mengembangkan karya-karya berbahasa Melayu dan Indonesia yang berlatarbelakangkan tradisi, budaya dan nilai Melayu ke peringkat antarabangsa. Pada masa yang sama, ia bermatlamat untuk mengenal pasti dan membangunkan bakat serta memberi

pengiktirafan bertaraf rantau dalam bidang penterjemahan untuk karya-karya sastera Asia Tenggara yang bermutu.

4. Usaha ini penting untuk memastikan karya Melayu dan Indonesia dapat terus ditampilkan ke arena global, dikenali, dibaca, dikaji dan dihargai di seluruh dunia.
5. Oleh itu, saya mengalu-alukan sokongan Jawatankuasa Penterjemahan Nasional (NTC) bagi Hadiah Terjemahan Mastera tahun ini. NTC, yang bernaung di bawah Kementerian Perhubungan dan Penerangan (MCI) Singapura, turut mengelolakan pelbagai program seperti bengkel penterjemahan dan Skim Pembangunan Bakat Penterjemahan dalam usaha memupuk kemahiran penterjemahan di Singapura. Saya difahamkan ratusan pelajar dan penterjemah telah pun meraih manfaat daripada program-program ini.

#### **TEMA SEMINAR: KOTA, TEKNOLOGI DAN KEMANUSIAAN**

6. Sementara itu, SAKAT tahun ini pula bertujuan untuk menampilkan isu-isu berkenaan kesatuan dan pengantarabangsaan sastera Asia Tenggara, serta pembangunan ekologi sastera di rantau ini. SAKAT kali ini memberi kita peluang untuk menilai kesan teknologi ke atas nilai, budaya dan perkembangan sastera.
7. Hadirin sekalian, kota sebagai pusat peradaban memperlihatkan kekuatan dan kelemahan manusia. Teknologi memberi kemudahan kepada kehidupan kita dan merencanakan pembangunan. Namun, teknologi juga boleh menghancurkan.

Oleh itu, kita harus tampil membangunkan dan menggunakan teknologi dengan bijaksana. Kota yang kita mahu bina akan punah sekiranya kedua-dua teknologi dan kemanusiaan tidak seimbang.

## **PENUTUP**

8. Mastera merupakan satu platform penting dalam usaha kita bersama untuk memasyarakatkan sastera. Saya pasti, Mastera Singapura di bawah pimpinan Prof Hadijah dan ahli jawatankuasa MBMS mempunyai komitmen yang kukuh untuk terus memajukan sastera Melayu di rantau ini dan ke peringkat antarabangsa. Pemerintah Singapura, melalui Majlis Bahasa Melayu Singapura (MBMS) dan Majlis Seni Kebangsaan (NAC) mendukung penuh usaha-usaha Mastera ini.
9. Semoga seminar kali ini dan sesi-sesi perbincangan selama dua hari ini dapat menghasilkan idea-idea baharu yang bernas, kritikal lagi dinamik.
10. Sekali lagi, tahniah kepada semua pemenang Hadiah Terjemahan Mastera. Semoga ini dapat menjadi pemangkin kepada usaha penterjemahan bahan-bahan sastera seterusnya. Saya akhiri dengan pantun berikut:

*Usah dipatah batang jerami*

*Kalau tuan memikat kenari*

*Kota Singa bangga kami*

*Semoga seminar manfaat diri.*

11. Terima kasih. Wabillahi taufik Walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.